



PruBSN Aspirasi

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

PENUHI  
**ASPIRASI**  
**HIDUP**  
ANDA HARI INI



Setiap orang beraspirasi untuk menjalani kehidupan yang lebih baik; sama ada bebas daripada hutang, menghantar anak anda untuk melanjutkan pelajaran di luar negara atau mungkin hanya untuk bersara tanpa kerisauan. Tidak kira apa aspirasi anda, anda perlu merancang dan menguruskan masa depan anda hari ini.

Dan mengetahui bahawa akan berlaku perkara-perkara tidak terduga, adakah anda bersedia untuk menghadapi pelbagai kemungkinan yang akan datang?



**Sumber:**

<sup>1</sup><https://themalaysianreserve.com/2017/10/04/bnm-malaysians-find-hard-raise-cash-emergencies/>

<sup>2</sup><https://www.nst.com.my/news/2017/03/223461/how-much-would-it-cost-pursue-higher-education-malaysia>

<sup>3</sup>The Star, October 25, 2017

**Memperkenalkan** **PruBSN Aspirasi**, penyelesaian takaful untuk menjamin masa depan anda dari segi simpanan, pelaburan dan perlindungan, semua dalam satu pelan. Dengan **PruBSN Aspirasi**, anda akan dapat merancang dan menguruskan kewangan anda secara strategik. Apa yang anda perlu lakukan ialah menilai keupayaan kewangan semasa anda supaya anda dapat memastikan bahawa pada penghujung hari nanti, anda mempunyai dana yang kukuh untuk aspirasi kehidupan anda.

## DANA GAYA HIDUP YANG KUKUH

- Bebas hutang
- Mengerjakan *Haji/Umrah* dengan keluarga anda
- Menaja percutian impian ibu bapa anda



## DANA PENDIDIKAN YANG KUKUH

- Menghantar anak anda ke universiti yang tersohor
- Mendaftar anak anda ke akademi yang terkenal



## DANA PERSARAAN YANG KUKUH

- Menikmati persaraan anda tanpa kerisauan
- Mengembara bersama pasangan anda
- Mengubahsuai rumah anda tanpa menggunakan simpanan KWSP



## PERLINDUNGAN HAYAT

BAYARAN  
TUNAI TAHUNAN

POTENSI  
PULANGAN  
LEBIH TINGGI

# Sekilas pandang manfaat **PruBSN Aspirasi**

PENERIMAAN  
DIJAMIN

BAYARAN PADA  
TEMPOH MATANG

FLEKSIBILITI

Melalui **PruBSN Aspirasi**, kami membantu anda untuk mencapai kehidupan yang anda impikan melalui simpanan yang konsisten, pelaburan, dan pada masa yang sama memastikan anda dan keluarga anda dilindungi sebaiknya.



## 1. Bayaran Tunai Tahunan

Anda akan menerima peningkatan bayaran tunai tahunan bermula dari akhir tahun sijil ke-2 hingga akhir tempoh manfaat. Anda boleh menentukan untuk menggunakan atau melabur semula bayaran tunai tahunan anda dengan kami.

Akhir Tahun Sijil	Tempoh Manfaat / % Jumlah Perlindungan Asas			
	15 tahun	20 tahun	25 tahun	30 tahun
2 - 10	3%	3%	3%	3%
11 - 14	6%	6%	6%	6%
15	66%	6%	6%	6%
16 - 19		6%	6%	6%
20		86%	6%	6%
21 - 24			9%	9%
25			94%	9%
26 - 29				9%
30				99%
<b>Jumlah</b>	<b>117%</b>	<b>167%</b>	<b>217%</b>	<b>267%</b>



## 2. Perlindungan Hayat

Anda & keluarga anda akan dilindungi dari segi kewangan jika Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD) atau kematian berlaku kepada anda.



**Jumlah Perlindungan Asas**  
Pilih daripada jumlah minimum RM15,000.



**Manfaat Kematian Tambahan**  
Penambahan 100% daripada Jumlah Perlindungan Asas apabila berlaku kematian akibat kemalangan.



**Manfaat Khairat**  
Tambah RM3,000 kepada keluarga anda untuk perbelanjaan pengebumian.

Sila rujuk *Ciri-ciri Produk* untuk maklumat lanjut mengenai bayaran Manfaat Asas Kematian/TPD.



## 3. Bayaran Pada Tempoh Matang

Anda akan menerima sejumlah wang tunai pada akhir tempoh manfaat, yang mana yang lebih tinggi:

100% Jumlah Perlindungan Asas  
+  
Akaun Unit Pelaburan

**ATAU**

Akaun MaxiShield  
+  
Akaun Unit Perlindungan  
+  
Akaun Unit Pelaburan



#### 4. Penerimaan Dijamin

Tidak perlu melalui pemeriksaan kesihatan dengan adanya Tawaran Pemberian Dijamin apabila anda menyertai pelan asas tanpa sebarang rider kecuali Takaful Saver dan Ihsan, sehingga RM300,000 untuk Jumlah Perlindungan Asas, setiap hayat untuk yang berumur 60 tahun dan ke bawah.



#### 5. Fleksibiliti

Anda boleh menentukan Tempoh Sumbangan, Tempoh Bayaran dan Rider Pilihan anda sendiri.

##### • Tempoh Bayaran Sumbangan & Tempoh Manfaat

Kami memberikan anda pilihan untuk membuat sumbangan sama ada tempoh 5, 10 atau 20 tahun dan menikmati perlindungan selama 15, 20, 25 atau 30 tahun.

Tempoh Manfaat (Tahun)	Tempoh Bayaran Sumbangan (Tahun)
15	5
20	5 atau 10
25	5 atau 10
30	5, 10 atau 20

##### • Rider Pilihan

Anda boleh memilih untuk menambah mana-mana Rider Pilihan mengikut keperluan anda, seperti berikut:

- Crisis Protector
- Term Protector
- Hajj Protection
- Parent Term
- Takaful Saver
- Takaful Saver Kid
- Ihsan
- Pelbagai rider Contributor

Untuk maklumat lanjut, rujuk halaman selanjutnya.



#### 6. Potensi Pulangan Lebih Tinggi

Apabila anda melampirkan Takaful Saver atau Takaful Saver Kid, sebahagian daripada sumbangan anda akan diperuntukkan untuk pelaburan di dalam mana-mana dana berkaitan pelaburan pilihan anda. Dengan pelaburan ini, anda boleh menikmati potensi pulangan yang lebih tinggi untuk nilai tunai anda.

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Takafulink Dana Bon

Takafulink Dana Ekuiti Plus

Takafulink Dana Ekuiti Income

DANA  
PELABURAN

Takafulink Dana  
Ekuiti Global

Takafulink Dana  
Urus

Takafulink Dana  
Dinamik

Takafulink Dana  
Aktif

Takafulink Dana  
Asia

## UBAH SUAI PERLINDUNGAN ANDA

Bertenanglah apabila mengetahui **PruBSN Aspirasi** menyediakan perlindungan yang hebat yang memenuhi keperluan anda dan keluarga anda melalui 11 rider pilihan yang anda boleh pilih.

Perlindungan Tambahan	Terima bayaran tambahan di atas perlindungan asas sekiranya berlaku kematian atau TPD dengan rider <b>Term Protector</b> .
Penyakit Kritikal	Tenangkan minda anda dan fokus pada pemulihan apabila anda menerima jumlah sekaligus setelah didiagnosis dengan salah satu daripada 43 penyakit kritikal yang dilindungi dengan rider <b>Crisis Protector</b> .
Legasi	Dengan rider <b>Parent Term</b> , pastikan anak anda tetap terjaga sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku kepada anda.
Contributor	Dapatkan bantuan untuk bayaran sumbangan masa depan sekiranya berlaku kematian (jika berkenaan), TPD atau penyakit kritikal terhadap diri anda atau ahli keluarga anda yang dilindungi apabila rider berikut dilampirkan: <ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Contributor Protect</b></li><li>• <b>Contributor Saver</b></li><li>• <b>Contributor Parent Protect</b></li><li>• <b>Contributor Parent Saver</b></li></ul> Jika lebih dari satu manfaat Contributor berlaku pada masa yang sama, Dana <i>Tabarru`</i> bukan sahaja akan membantu anda dengan bayaran sumbangan sijil, malah satu jumlah yang sama dengan Jumlah Perlindungan bagi manfaat Contributor yang terlibat akan diperuntukkan sebanyak 100% ke dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) sijil, yang memberikan lebih banyak dana untuk anda.
Pelaburan	Tingkatkan nilai tunai anda dengan potensi pulangan yang lebih tinggi apabila anda melampirkan rider <b>Takaful Saver</b> atau <b>Takaful Saver Kid</b> . Sumbangan anda akan dilaburkan dalam dana berkaitan pelaburan pilihan anda yang diluluskan oleh Syariah. Untuk butiran lanjut mengenai Helaian Dana dan prestasi masa lalu dana, anda boleh layari <a href="http://www.prubsn.com.my">www.prubsn.com.my</a> .
Haji/Umrah	Dengan rider <b>Haji Protection</b> , anda akan menerima manfaat kematian tambahan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"><li>• 200% daripada Jumlah Perlindungan Rider akibat kematian atau TPD semasa mengerjakan <i>Haji</i> atau <i>Umrah</i></li><li>• Manfaat Imunisasi <i>Haji/Umrah</i> sebanyak RM300 setiap 3 tahun</li></ul>
Derma	Bantu golongan miskin tegar dan miskin dengan takaful keluarga asas sebanyak RM10,000 bagi setiap keluarga apabila anda melampirkan <b>Ihsan</b> rider dari serendah RM5 sebulan. Dana daripada Ihsan rider akan disalurkan ke inisiatif <b>PruBSN Microtakaful Jariyah</b> yang diuruskan oleh <b>PruBSN Prihatin</b> .

Perlindungan TPD ialah sehingga umur 70 atau hujung tempoh perlindungan, yang mana terdahulu.

## CIRI-CIRI PRODUK

Maklumat tambahan mengenai PruBSN Aspirasi.

JENIS	BUTIRAN
Umur Kemasukan	Pelan Kanak - kanak: 1 - 18 Umur pada Hari Jadi Akan Datang Pelan Dewasa: 19 - 70 Umur pada Hari Jadi Akan Datang
Jumlah Perlindungan	Minimum: RM15,000 Maksimum: • Kanak - Kanak - RM2,000,000 • Dewasa - Tanpa had ( <i>Tertakluk pada pengunderaitan</i> )
Tempoh Manfaat	<b>4 pilihan:</b> 15, 20, 25 atau 30 tahun.
Tempoh Bayaran Sumbangan	<b>3 pilihan:</b> 5, 10 atau 20 tahun
Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Untuk Tahun Sijil 1 &amp; 2:</b> Sekiranya berlaku kematian atau TPD, kami akan bayar mana-mana yang lebih tinggi: (a) Amaun yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Kematian sewaktu pampasan dilakukan, tolak bayaran sumbangan yang tertunggak ATAU (b) Jumlah amaun di dalam Akaun MaxiShield (MSA) dan nilai unit di dalam Akaun Unit Perlindungan (PUA); ditambah nilai unit di dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA), jika ada.</li><li>• <b>Untuk Tahun Sijil 3 ke atas:</b> Sekiranya berlaku kematian atau TPD, kami akan bayar mana-mana yang lebih tinggi: (a) Amaun yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat Kematian sewaktu pampasan dilakukan, ditolak bayaran sumbangan yang tertunggak ATAU (b) Jumlah amaun dalam MSA dan nilai unit dalam PUA; ATAU (c) Jumlah Perlindungan Asas, ditolak bayaran sumbangan yang tertunggak ditambah nilai unit di dalam IUA, jika ada.</li></ul>

# CAJ DAN POTONGAN

Agihan sumbangan anda.

JENIS	BUTIRAN																																
Caj Wakalah Pendahuluan	<p>Caj ini bertujuan untuk membayar komisen dan perbelanjaan berkaitan pengagihan serta perbelanjaan pengurusan. Peratusan yang ditunjukkan di jadual di bawah adalah berdasarkan tempoh sumbangan 20 tahun atau lebih. Bagi tempoh kurang daripada 20 tahun, sila rujuk Ilustrasi Produk.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun Sijil</th><th>1</th><th>2</th><th>3</th><th>4</th><th>5-6</th><th>7-10</th><th><math>\geq 11</math></th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>MSA</b></td><td>75%</td><td>60%</td><td>40%</td><td>35%</td><td>20%</td><td>10%</td><td>0%</td></tr> <tr> <td><b>PUA</b></td><td></td><td></td><td></td><td>5%</td><td></td><td></td><td></td></tr> <tr> <td><b>IUA</b></td><td></td><td></td><td></td><td>5%</td><td></td><td></td><td></td></tr> </tbody> </table>	Tahun Sijil	1	2	3	4	5-6	7-10	$\geq 11$	<b>MSA</b>	75%	60%	40%	35%	20%	10%	0%	<b>PUA</b>				5%				<b>IUA</b>				5%			
Tahun Sijil	1	2	3	4	5-6	7-10	$\geq 11$																										
<b>MSA</b>	75%	60%	40%	35%	20%	10%	0%																										
<b>PUA</b>				5%																													
<b>IUA</b>				5%																													
Caj Sijil Wakalah	<p>Caj ini bagi menguruskan sijil anda. Penolakan Caj Sijil Wakalah adalah mengikut kekerapan pembayaran sumbangan anda.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahunan</th><th>Setengah Tahunan</th><th>Suku Tahunan</th><th>Bulanan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>RM60</td><td>RM30</td><td>RM15</td><td>RM5</td></tr> </tbody> </table>	Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan	RM60	RM30	RM15	RM5																								
Tahunan	Setengah Tahunan	Suku Tahunan	Bulanan																														
RM60	RM30	RM15	RM5																														
Potongan Tabarru`	<p>Potongan ini adalah untuk membayar perlindungan takaful anda. Nilainya berbeza bergantung kepada umur, jantina, jumlah perlindungan, status merokok dan kelas pekerjaan.</p>																																
Caj Wakalah Pengurusan Aset (Tertakluk pada PUA & IUA sahaja)	<p>Caj ini adalah untuk perbelanjaan pengurusan pelaburan anda. Caj ini dikenakan setiap hari, setiap tahun daripada nilai akaun pelaburan anda.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Takafulink Dana Bon</th><th>0.50% setahun</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Dinasti</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Urus</td><td>1.30% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Dinamik</td><td>1.25% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Plus</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Income</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Ekuiti Global</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Aktif</td><td>1.50% setahun</td></tr> <tr> <td>Takafulink Dana Asia</td><td>1.50% setahun</td></tr> </tbody> </table>	Takafulink Dana Bon	0.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% setahun	Takafulink Dana Urus	1.30% setahun	Takafulink Dana Dinamik	1.25% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% setahun	Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% setahun	Takafulink Dana Aktif	1.50% setahun	Takafulink Dana Asia	1.50% setahun														
Takafulink Dana Bon	0.50% setahun																																
Takafulink Dana Ekuiti Dinasti	1.50% setahun																																
Takafulink Dana Urus	1.30% setahun																																
Takafulink Dana Dinamik	1.25% setahun																																
Takafulink Dana Ekuiti Plus	1.50% setahun																																
Takafulink Dana Ekuiti Income	1.50% setahun																																
Takafulink Dana Ekuiti Global	1.50% setahun																																
Takafulink Dana Aktif	1.50% setahun																																
Takafulink Dana Asia	1.50% setahun																																
Caj Wakalah Penambahan (Tertakluk pada IUA sahaja)	<p><b>RM25</b></p> <p>Caj ini akan <b>dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan</b>. Apabila transaksi elektronik dilaksanakan, permintaan secara manual untuk penambahan sumbangan tunggal adalah tertakluk pada RM25.</p>																																
Caj Wakalah Penukaran Dana (Tertakluk pada IUA sahaja)	<p>Empat (4) penukaran percuma dibenarkan setiap tahun sijil. Sebarang penukaran selanjutnya dalam tempoh tahun tersebut akan dikenakan caj penukaran yang ditetapkan pada 1% daripada amaun yang ditukar, tertakluk pada jumlah maksimum sebanyak RM50. Caj akan <b>dikecualikan sehingga transaksi elektronik dilaksanakan</b>.</p>																																

## NOTA-NOTA PENTING

1. Brosur ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan Prudential BSN Takaful (PruBSN). Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelan ini dan pilihan ridernya, sila rujuk kepada Ilustrasi Produk, Lampiran Keterangan Produk dan Helaian Fakta Dana sebelum menyertai pelan ini.
2. Pulangan daripada MSA, PUA dan IUA (jika berkaitan), jika ada, akan bergantung kepada prestasi sebenar dana-dana dan ia tidak dijamin.
3. Anda boleh memilih untuk melabur semula Bayaran Tunai Tahunan anda ke dalam IUA untuk potensi pulangan pelaburan. Pulangan dalam IUA akan bergantung kepada prestasi sebenar dana kerana ia tidak dijamin. Anda mungkin akan mendapat kurang daripada yang telah dilaburkan di dalam dana tersebut.
4. Anda boleh menyerahkan sijil anda pada bila-bila masa. Tetapi, jika anda menyerahkan sijil anda pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak dapat memperoleh nilai penuh bagi amaun yang telah anda bayar. Nilai serahan sijil tersebut jika boleh dibayar adalah terdiri daripada baki amaun di dalam MSA, nilai unit dalam PUA (jika ada), dan nilai unit dalam IUA (jika ada). Nilai unit adalah berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian berikutnya selepas pemberitahuan serahan.
5. Risiko pelaburan adalah ditanggung sepenuhnya oleh anda dan manfaatnya mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang telah dibayar.
6. Jika anda berhenti atau tertinggal membayar sumbangan, perlindungan anda mungkin ditamatkan sebelum tamat tempoh.
7. Sumbangan dan kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. PruBSN boleh mengubah sumbangan, kadar *Tabarru'* dan/atau caj-caj lain dengan memberikan notis bertulis 90 hari. Jika terdapat peningkatan dalam kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain selepas tempoh sumbangan, anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan selepas tempoh sumbangan.
8. Rider Contributor akan membantu dalam pembayaran jumlah sumbangan untuk perkara yang dilindungi sepanjang tempoh pembayaran sumbangan sijil dan amaun manfaat adalah adalah seperti yang dinyatakan di dalam dokumen sijil takaful. Walaupun rider Contributor membayar manfaat, sekiranya terdapat perubahan pada sumbangan atau caj-caj yang memberi kesan kepada jumlah sumbangan pada masa hadapan, anda dikehendaki untuk membayar sumbangan penambahan untuk memastikan nilai MSA dan PUA adalah mencukupi untuk sepanjang tempoh sijil.
9. **PruBSN Aspirasi** adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta'awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru'* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah* yang tersenarai di atas.
10. Untuk **PruBSN Aspirasi**, anda boleh menuntut pelepasan cukai insurans yang berkaitan, tertakluk pada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
11. Apabila berlaku penamatan, tamat tempoh atau kematiangan sijil, **PruBSN Aspirasi** tidak menyediakan sebarang perlindungan atau manfaat daripada Dana *Tabarru'*.
12. Anda berhak menerima sebarang agihan lebihan daripada Dana *Tabarru'* termasuk keuntungan pelaburan (jika ada) selepas akhir tahun kewangan. Bersama-sama dengan para peserta lain, anda berhak menerima 50% daripada lebihan dan PruBSN akan menerima 50% baki selebihnya sebagai yuran prestasi menguruskan Dana *Tabarru'*. Bahagian agihan lebihan anda akan dimasukkan semula ke dalam MSA anda. Amaun sebenar agihan lebihan akan ditetapkan setiap tahun dan tertakluk pada persetujuan Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah PruBSN.

13. Sebarang rujukan kepada umur adalah berdasarkan Umur pada Hari Jadi Akan Datang.
14. Anda boleh membatalkan pelan ini dengan menghantar permohonan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran dokumen sijil. Bagi kes ini, kami akan memulangkan semula bayaran bagi sumbangan yang tidak diperuntukkan. Sebarang potongan *Tabarru'* dan caj perkhidmatan yang telah ditolak daripada sumbangan diterima dari pihak anda serta unit nilai baki dalam akaun anda akan menolak mana-mana yuran perubatan yang ditanggung oleh PruBSN bagi semakan risiko seperti di dalam sijil.

## PENGECUALIAN

**PruBSN Aspirasi** tidak melindungi sebarang situasi yang berikut:

1. Kematian akibat membunuh diri dalam masa setahun daripada tarikh sijil.
2. TPD yang berlaku secara langsung atau tidak langsung oleh cubaan membunuh diri atau kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri semasa waras atau tidak waras.
3. TPD yang berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat daripada mengambil bahagian di dalam penerbangan udara (termasuk yang melibatkan payung terjun dan terjunan udara) selain sebagai seorang anak kapal atau penumpang yang membayar tambang di atas pesawat pembawa penumpang komersial yang mempunyai lesen dan beroperasi mengikut laluan tetap yang telah dijadualkan.
4. TPD atau Penyakit Kritis yang disebabkan oleh keadaan sedia ada yang tidak dimaklumkan kepada kami berkaitan dengan status kesihatan Orang Yang Dilindungi.
5. Bagi sijil yang dikeluarkan di bawah Tawaran Pemberian Dijamin (GIO), kematian atau TPD yang disebabkan oleh sebarang keadaan sedia ada, sama ada yang telah dimaklumkan atau tidak kepada kami mengenai status kesihatan Orang Yang Dilindungi untuk tempoh dua puluh empat (24) bulan dari tarikh sijil berkuatkuasa.

Pengecualian dan had-had adalah tidak terhad kepada yang tertera di atas dan anda hendaklah merujuk kepada dokumen sijil untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## APAKAH ITU TAKAFUL?

Suatu perkiraan yang berdasarkan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam

Takaful diambil daripada istilah Arab 'kafala' yang membawa erti "**Jaminan bersama**" atau **menjamin antara satu sama lain**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek persamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama.

Apabila seseorang terlibat dalam skim takaful, dia bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan peserta-peserta lain untuk sama-sama menyumbang antara satu sama lain ketika memerlukan.



**PERTOLONGAN BERSAMA**



**PERLINDUNGAN BERSAMA  
DARIPADA KERUGIAN**



**TANGGUNGJAWAB BERSAMA**



Secara intipatinya, takaful adalah berdasarkan prinsip "***Ta`awun***" (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah ***Tabarru`at* (kebajikan)**.

# PRUDENTIAL BSN

## TAKAFUL

PruBSN Aspirasi adalah produk yang patuh Syariah.

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

### PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.



03 2775 7188



customer@prubsn.com.my



SMS PruBSN dan hantarkan ke **33080**



[www.facebook.com/prubsn](https://www.facebook.com/prubsn)



[www.instagram.com/prubsn\\_official](https://www.instagram.com/prubsn_official)



[www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad](https://www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad)

Prudential BSN Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Prudential BSN Takaful Berhad atau layari laman web PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).



**Penting:** Anda seharusnya berpuas hati bahawa produk ini mampu memenuhi keperluan anda dan sumbangan yang dibayar di bawah sijil ini merupakan jumlah yang anda mampu bayar.

*Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan September 2021.*